

19 JUN 2003

Umno-Reaksi (Veteran)

VETERAN UMNO MINTA ANGGOTA PARTI AMATI NASIHAT DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Bekas Timbalan Presiden Umno Tan Sri Musa Hitam berkata ancaman dari dalam dan luar yang dihadapi parti memerlukan para anggota Umno sentiasa peka, berpengetahuan luas dan mendalam serta sofistikated untuk menanganinya secara berkesan.

Katanya, ini termasuk ancaman dijajah semula oleh kuasa barat yang diberi amaran oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya pada perhimpunan agung parti itu di sini hari ini.

"Apa yang ditekankan ialah sikap bangsa Eropah iaitu `yang kuat itu sentiasa betul' sejak zaman dulu dan kalau kita sedar dengan sikap serta kelakuan mereka, maknanya kita sendiri harus melengkapkan diri kita untuk menghadapi mereka kerana kita tidak boleh mengelak menghadapi kenyataan realiti ancaman dunia globalisasi," katanya.

Mengenai masalah perebutan jawatan yang wujud di dalam parti, Musa berkata ia memang berlaku dalam semua organisasi siasah termasuk Umno.

Ia merupakan satu ingatan kepada pemimpin parti supaya tidak terlampau ghairah untuk mendapatkan jawatan dan tempat, katanya.

Bekas menteri kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah pula berkata unsur sabotaj di dalam parti boleh dikurangkan jika pucuk pimpinan mengambil kira pandangan seluruh anggota dan tidak meminggirkan mana-mana pihak.

Beliau berkata jika perlu, kod etika pemilihan etika parti yang sedia ada mungkin boleh diperbaiki bagi menghindarkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Bekas setiausaha agung parti Tan Sri Mohamed Rahmat yang kini Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) berkata, jika masalah dalaman parti dibiarkan terus berlaku, Umno akan menghadapi masalah dan parti akan terkubur.

"Kita mesti bersungguh-sungguh untuk pastikan Umno tidak bermasalah dan tidak akan mati sekali lagi sebab kalau Umno mati kerana masalah dalaman, tidak akan ada erti lagi perjuangan ini. Kita perlu kejujuran dan keikhlasan daripada semua anggota parti," katanya.

Mohamed berkata masalah dalaman merupakan "kudis" yang mesti dihapuskan.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata pergerakan itu terharu dengan pesanan ikhlas terakhir Dr Mahathir sebagai Presiden parti supaya anggota memelihara perpaduan parti.

Katanya, pergerakan itu bertekad untuk terus membela kepentingan bangsa, negara dan agama dengan mendokong kepentingan majoriti rakyat dan bukannya semata-mata membela kepentingan individu seperti presiden parti itu pesan.

Menurutnya, semua pihak perlu sedar bahawa Dr Mahathir sangat menekankan supaya perjuangan parti dan negara yang bersandarkan kepada menjaga kepentingan generasi di masa depan bukan sahaja perlu diteruskan.

-- BERNAMA

HS RAR ZS MOZ